

PANAFLEX HOT PATCH

Glycol Salicylate/L-Menthol/Nonivamide (2.45% w/w/ 3.85% w/w/ 0.003% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Panaflex Hot Patch
2. Sebelum menggunakan Panaflex Hot Patch
3. Cara menggunakan Panaflex Hot Patch
4. Semasa menggunakan Panaflex Hot Patch
5. Kesan-Kesan Sampingan
6. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Panaflex Hot Patch
7. Maklumat Lanjut
8. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
9. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Panaflex Hot Patch

Memberi kelegaan sementara sakit otot dan sendi pada badan seperti sakit belakang yang sederhana, ketegangan, atau kejadian terseliah. Panaflex Hot Patch adalah untuk kegunaan luaran iaitu pada permukaan kulit sahaja.

Sebelum menggunakan Panaflex Hot Patch

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan gunakan Panaflex Hot Patch
 - pada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, kecuali jika diarahkan oleh doktor. Sawan boleh berlaku jika digunakan pada kanak-kanak yang pernah mengalami sawan.
 - Jika anda mempunyai hipersensitiviti yang diketahui untuk *glycol salicylate* atau *salicylate* yang lain, *menthol*, *nonivamide* atau mana-mana ramuan yang lain dalam produk ini.
- Sebelum menggunakan Panaflex Hot Patch
 - Panaflex Hot Patch adalah tidak digalakkan untuk digunakan pada wanita mengandung atau yang menyusukan susu badan kepada anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak dengan susu badan sebelum menggunakan produk ini.
 - Periksa dengan doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap aspirin, *salicylates* yang lain,

nonsteroidal anti-inflammatory medicines yang digunakan untuk merawat sakit, demam atau keradangan seperti ibuprofen.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Periksa dengan doktor anda sebelum penggunaan jika anda mengambil ubat yang digunakan untuk mencegah pembekuan darah ("pencair darah" dan antikoagulan) kerana ini mungkin boleh meningkatkan risiko pendarahan.

Cara menggunakan Panaflex Hot Patch

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk orang dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas: Gunakan hanya satu ubat tampalan pada bahagian badan yang sakit 1 hingga 2 kali sehari, bila perlu. Untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun: Dapatkan nasihat perubatan sebelum guna. [Jumlah dos maksimum harian: 2 ubat tampalan dalam sehari, walaupun lebih daripada satu bahagian badan yang sakit yang perlukan. Bergantung pada Bahagian badan yang sakit, sama ada satu ubat tampalan 70 cm² (7 cm x 10 cm) atau satu ubat tampalan 48 cm² (6 cm x 8 cm) boleh dipakai.]

Arahan penggunaan:

Buka kantung dan keluarkan ubat tampalan. Tanggalkan lapisan pelapik dan letakkan sebelah ubat tampalan yang melekit pada bahagian yang sakit. Peluh dan kotoran boleh menjejaskan kelekatan ubat tampalan ini. Pastikan kulit adalah bersih dan kering agar kelekatan ubat tampalan ini tidak terjejas. Cucikan tangan selepas melekatkan ubat tampalan.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh maksimum penggunaan tanpa nasihat perubatan: 7 hari. Sekiranya rasa sakit tidak bertambah baik dalam masa 7 hari, atau jika semakin teruk, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa satu dos, gunakan ubat tampalan ini sebaik sahaja anda ingat. Jangan

menggunakan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Terlebih dos ubat selepas penggunaan topikal yang tidak betul atau akibat secara tidak sengaja termakan produk-produk yang mengandungi salicylates dan mentol yang diketahui berkaitan dengan beberapa gejala. Gejala terlebih dos termasuklah:

- loya,
- muntah,
- sakit perut teruk,
- tinnitus
- vertigo (rasa tidak seimbang dan seolah-olah persekitaran berputaran),
- pekak,
- pening,
- kesukaran mengawal pergerakan anggota badan (ataxia) seperti makan, menulis atau menanggalkan butang baju,
- sakit kepala,
- kekeliruan,
- mengantuk,
- koma.

Oleh kerana nonivamide adalah tidak larut, pendedahan sistemik daripada pengambilan adalah kurang berkemungkinan untuk berlaku.

Jika penggunaan dos yang berlebihan berlaku, rawatan sokongan mungkin diperlukan. Pengurusan lanjut harus seperti yang diindikasikan secara klinikal atau seperti yang disyorkan oleh pusat racun negara, jika ada.

Untuk melaporkan kes terlebih dos, anda boleh menghubungi Pusat Racun Negara (Tel: 04-6570099; laman web: <http://www.prn.usm.my/>; e-mel: prnnet@usm.my).

Semasa menggunakan Panaflex Hot Patch

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ubat tampalan ini hanya boleh ditampal pada bahagian kulit yang tiada penyakit dan bukan pada kulit yang mempunyai kecederaan.
- Peluh dan kotoran boleh menjejaskan kelekatan ubat tampalan ini. Pastikan kulit adalah bersih dan kering agar kelekatan ubat tampalan ini tidak terjejas.
- Jauhkan dari pandangan dan

PANAFLEX HOT PATCH

Glycol Salicylate/L-Menthol/Nonivamide (2.45% w/w/ 3.85% w/w/ 0.003% w/w)

capaian kanak-kanak

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
 - Produk ini tidak boleh dipakai pada mata atau dekat mata, lubang hidung, mulut dan bahagian dalaman badan yang lain. Bilas dengan air sekiranya terkena.
 - Jangan gunakan ubat tampalan bersama haba tambahan/ luaran seperti pad pemanas.
- Perkara yang perlu diberi perhatian
 - Sesetengah orang mungkin mengalami ketidakselesaan, terutamanya jika mereka mempunyai kulit sensitif atau jika ubat tampalan ini digunakan selepas mandi.
 - Hentikan penggunaan ubat tampalan ini jika mendapati ruam kulit selepas menggunakan ubat tampalan ini.

Kesan-Kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Panaflex Hot Patch boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Semasa menggunakan produk ini, anda mungkin mengalami: hipersensitiviti, reaksi pada bahagian yang ditampal, rasa pedih pada kulit (*burning sensation*), kerengsaan pada kulit, ruam kulit dan kulit gatal. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Panaflex Cool Patch

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.
- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Plaster serupa warna putih yang dilapis antara kain bukan tenunan dan lapisan filem plastik.
- Bahan-bahan kandungan
 - Bahan aktif
Glycol Salicylate 2.45% w/w
L- Menthol 3.85% w/w
Nonivamide 0.003% w/w
- Bahan tidak aktif
Zinc Oxide
Silicon Dioxide
Aluminium Chlorohydrate
Titanium Dioxide
Adhesive Plaster
Purified Lanolin
Menthol Oil
Paraffin Oil
- Nombor MAL

MAL22076010XR

Pengilang

Teh Seng Pharmaceutical Mfg. Co., Ltd. Secondary Factory No. 42-1, Huan Gong Road, Yong Kang District, Tainan City, Taiwan, R.O.C

Pemegang Pendaftaran Produk

Haleon Malaysia Sdn. Bhd.
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/ Hulu Kelang Industrial Estate, 68000 Ampang, Selangor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

25/08/2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 22/017